

**Zahid Templak Pihak Dakwa Beliau Mungkin Bertanding Timbalan Presiden Umno
Bernama
7 Sept, 2013**

BAGAN DATOH, 7 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menemplak pihak yang mendakwa beliau mungkin bertanding jawatan timbalan presiden pada pemilihan parti Oktober ini.

"Orang (yang membuat dakwaan) itu gila," katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra Skwad 1Malaysia Negeri Perak bersama Menteri di sini, Sabtu.

Beliau mengulas laporan dalam portal berita, Free Malaysia Today (FMT) bahawa desas-desus Ahmad Zahid bakal bertanding jawatan timbalan presiden telah mula tersebar di bandar-bandar di Sabah.

Menurut laporan itu, kumpulan tertentu dalam Umno Sabah mendakwa Ahmad Zahid mungkin mencabar Timbalan Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk jawatan itu dalam perhimpunan agung Umno pada Oktober.

Menteri Dalam Negeri itu menjelaskan beliau telah beberapa kali menyatakan hanya akan mempertahankan jawatan naib presiden pada pemilihan parti kali ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975994>